

Jerebu tindak balas kerakusan manusia



Larangan potong pokok, pembaziran air didik harga alam sekitar

Menurut Agensi Alam Sekitar Nasional (NEA) Singapura, rantau ini mungkin mengalami jerebu lagi dengan peningkatan titik panas mencecah 159 lokasi di Sumatera, sekali gus menggambarkan pembakaran hutan tercetis semula.

Jika ramalan ini benar, negara kita buat kali kedua untuk tahun ini akan dilanda jerebu dengan diburukkan oleh cuaca kering berterusan serta musim monsun Barat Daya.

Fenomena jerebu atau keluarnya asap di bumi adalah salah satu daripada fenomena alam. Walaupun terdapat penjelasan terhadap fenomena ini, ada juga beberapa keadaan di mana ia berlaku tanpa penerangan saintifik.

Terdapat satu surah dalam al-Quran yang dinamakan sempena fenomena keluarnya asap di bumi, iaitu surah al-Dukhan (asap).

Firman Allah SWT yang bermaksud: "Oleh itu tunggulah (wahai Muhammad)

semasa langit membawa asap kemarau yang jelas nyata (yang menyebabkan kebuluran yang dahsyat)." (Surah al-Dukhan, ayat 10)

Nafas sesak, sakit dada

Ada beberapa riwayat hadis daripada Sahih Bukhari dan Muslim menyatakan ayat di atas merujuk kepada jerebu dan kemarau yang melanda kaum Mudhar daripada musyrikin Makkah kerana kerasnya penentangan mereka terhadap seruan Nabi Muhammad SAW.

Baginda lantas mendoakan supaya Bani Mudhar ditimpa hari kemarau seperti mana yang pernah melanda manusia pada zaman pemerintahan Nabi Yusuf. Doa itu dimakbulkan Allah, lalu musyrikin Mudhar berasa sesak nafas dan sakit dada lantaran jerebu itu.

Imam Ibnu Kathir pula mendedahkan riwayat daripada Masruq, yang dimaksudkan asap jerebu dalam surah al-Dukhan itu ialah asap yang akan keluar menjelang hampirnya hari kiamat. Asap itu amat kuat sekali sehingga menghilangkan penglihatan dan pendengaran musyrikin serta menyebabkan Muslim seolah-olah mengalami selesema.

Apa yang pasti, kebanyakan fenomena berlaku di bumi adalah kesan terhadap kerakusan tangan manusia sendiri.

Jerebu, kesan daripada ketamakan manusia untuk memaksimumkan keuntungan dalam industri pertanian, serta tekanan mengurangkan kos kerana persekitaran perdagangan kapitalis yang

mendesak.

Perkara ini telah diperjelaskan oleh Allah SWT dalam firman-Nya yang bermaksud: "Telah timbul pelbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)." (Surah al-Rum, ayat 41)

Sejak awal ciptaan manusia, Allah SWT telah memberikan amanah untuk khalifah atau wakil pengurus alam ini dan dengan sebab itulah Allah SWT mengajar Nabi Adam nama setiap ciptaannya satu persatu supaya dihargai serta dijaga semua itu.

Islam ajar kenang budi

Islam mengajar supaya kita sentiasa mengenang budi. Kita dicipta daripada unsur alam, seperti tanah air dan lain-lain maka sewajarnya kita menghargai semua unsur diri dengan cara memelihara dan memuliharanya.

Firman Allah SWT yang bermaksud: "Dan kepada kaum Thamud, Kami utuskan saudara mereka, Nabi Soleh. Dia berkata: Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah! Sebenarnya tiada Tuhan bagi kamu selain daripadanya. Dialah yang menjadikan kamu daripada bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya. Oleh itu mintalah ampun kepada Allah daripada perbuatan syirik, kemudian kembalilah kepadanya

dengan taat dan tauhid. Sesungguhnya Tuhanku sentiasa dekat, lagi sentiasa memperkenankan permohonan hamba-Nya." (Surah Hud, ayat 61)

Selain itu, terdapat beratus-ratus ayat mengenai alam sekitar dalam al-Quran yang sepatutnya menuntut kita berfikir. Allah bercerita mengenai air, langit, bumi, tanah, bukit, gunung-ganang, fenomena alam sekitar, bulan, bintang dan matahari, semua itu untuk kita bersyukur dan menghargainya.

Hikmah larangan potong pokok

Ramai yang tertanya apakah hikmah diharamkan jemaah haji yang berihram memotong pokok tumbuhan di Makkah. Rupa-rupanya, ulama menyatakan hikmah saintifiknya dapat dikesan sekarang, iaitu dengan tiga juta umat manusia berkumpul di Makkah pada satu masa, sudah tentu mereka memerlukan bekalan oksigen yang dikeluarkan daripada pokok tumbuhan.

Ibadah haji mungkin contoh kecil mengenai ibadah hijau dan mesra alam, tetapi Muslim perlu memperluaskan pelaksanaannya dalam konteks lain.

Islam juga mendidik kita sentiasa berjimat cermat terutama membabitkan sumber alam seperti air. Ini dapat dilihat dengan jelas melalui akhlak Rasulullah SAW ketika bersuci, mandi dan berwuduk. Menurut kajian, Rasulullah SAW hanya menggunakan sekitar 40 mililiter air iaitu dua pertiga mud (bekas air).

Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Ibn Majah, daripada Abdullah bin Amru bin al-'As: "Sesungguhnya Rasulullah lalu berhampiran Sa'ad ketika beliau sedang berwuduk lalu Baginda bertanya: Apakah (mengapakah berlaku) pembaziran ini wahai Sa'ad? Sa'ad menjawab: Adakah di dalam wuduk ada pembaziran? Nabi bersabda: Ya, walaupun berwuduk di dalam sungai yang mengalir."

Jika dilihat reka bentuk masjid moden pada zaman ini khususnya di tempat wuduk, kita dapati saiz paip yang besar serta sikap Muslim yang tidak pandang rendah terhadap keperluan untuk menghargai sumber air lantas berlakulah pembaziran walaupun atas nama ibadah.

Sebagai warga bumi, kita perlu rasa bertanggungjawab untuk menjaga alam sekitar. Ini bukan kerja sekumpulan manusia atau pemimpin, tetapi tugas semua orang. Pendidikan mengenai isu ini perlu diberikan sedari kecil lagi kepada generasi muda.

Wajarlah kita bersungguh-sungguh membabitkan diri dalam usaha penjagaan alam sekitar serta berasa insaf apabila didatangkan dengan peringatan Allah SWT.



AHMAD IRFAN
IKMAL
HISHAM